



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL:7/1998
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Dengan penuh hormat, sukacita saya menarik perhatian semua Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan agar memberikan sokongan kepada Jabatan Perkhidmatan Pengurusan di dalam usahanya untuk melicinkan lagi perjalanan kerja serta proses-proses pengkajian dan penelitian pengurusan pejabat, selaras dengan matlamat Kerajaan kearah meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan awam dan perkhidmatan kepada orang ramai.

Memandangkan kepada pentingnya peranan yang dimainkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dalam membantu memperkenalkan pembaharuan dan perubahan kepada perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam, maka sokongan dan kerjasama Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan adalah sangat penting bagi membolehkan Jabatan berkenaan melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya secara berkesan.

Sehubungan dengan ini semua Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan adalah digalakkan untuk mendapatkan khidmat pakarunding dan khidmat nasihat daripada Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dalam aspek-aspek seperti analisis dasar pengurusan, pembaikan pentadbiran dan perjalanan organisasi, perkembangan dan pembaikan sistem-sistem, dan peningkatan produktiviti. Dalam waktu yang sama Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan adalah juga diminta untuk memberikan maklumbalas dan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh Jabatan berkenaan mengikut tempoh yang telah ditetapkan bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan kerja-kerja yang dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

Wassalam.

[HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA2110
Negara Brunei Darussalam.

Rujukan : [7]JPM/SK/1998
Tarikh : 6 Zulkaedah 1418
5 Mac 1998